

Latihan Aneka Pilihan Sejarah Bab 3 Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen Tingkatan 5 1.0

Bahagian I

3.1 Latar Belakang Pemerintahan Beraja dan Demokrasi Berparlimen

1 Kesultanan Melayu Melaka memperlihatkan pemerintahan beraja yang berdaulat dan berwibawa.

MS Tek 38

Antara berikut, yang manakah tidak benar tentang bidang kuasa pemerintahan Sultan Melaka?

- A Kehakiman
- B Keagamaan
- C Pentadbiran
- D Perundangan

2 Raja-raja Melayu dianggap sebagai sumber undang-undang, ketua kerajaan dan ketua agama.

MS Tek 38

Apakah tanggungjawab utama baginda terhadap rakyat dan kerajaannya?

- A Mengekalkan keamanan dan kedaulatan negeri
- B Memperkukuh kewibawaan raja berdaulat
- C Mempertahankan adat dan struktur masyarakat
- D Mengembangkan dan menstabilkan ekonomi rakyat

3 British telah memperkenalkan Sistem Residen dan Sistem Penasihat dengan menggunakan teknik X untuk meluaskan pengaruhnya di negeri Melayu.

MS Tek 39

Apakah X?

- A Perjanjian
- B Tipu helah
- C Manipulasi
- D Ketenteraan

4 Penggubalan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 dan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911 menyerlahkan ciri pemerintahan Raja Berperlembagaan.

MS Tek 39

Apakah tujuan penggubalan tersebut?

- A Kekalkan kekuasaan
- B Meluaskan pengaruh
- C Sistem Residen dihapuskan
- D Menghalang peluasan pengaruh British

5 Sistem pemerintahan beraja di negara kita menerima cabaran selepas Perang Dunia Kedua.

MS Tek 40

Mengapakah berlakunya keadaan tersebut?

- A Pengenalan Malayan Union
- B Pengenalan Sistem Residen di NNMB
- C Penempatan Penasihat British di NNMTB
- D Pengawasan Gabenor Jepun di Tanah Melayu

6 Bagaimanakah kedudukan Raja-raja Melayu semasa pendudukan Jepun?

MS Tek 40

- A Ketua hal ehwal agama Islam
- B Berkuasa dalam hal ehwal tanah
- C Berkuasa dalam hal adat istiadat
- D Diiktiraf sebagai Penasihat Jepun

7 Mengapakah Raja-raja Melayu menentang penubuhan Malayan Union 1946?

MS Tek 40

- A Kehilangan kuasa
- B Kehakiman terjejas
- C Kedaulatan tercabar
- D Kehilangan pengaruh

3.2 Sejarah dan Kedudukan Institusi Majlis Raja-Raja

8 Majlis Raja-Raja ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1948 apabila Persekutuan Tanah Melayu dibentuk.

MS Tek 43

Apakah peranan Majlis Raja-Raja semasa Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Menasihati Gabenor
- B Membincangkan undang-undang berkaitan dengan agama Islam
- C Membincangkan hal ehwal pentadbiran Kerajaan Persekutuan
- D Mendapatkan penerangan daripada Pesuruhjaya Tinggi British tentang penggubalan undang-undang

9 Majlis Raja-Raja mempunyai kuasa dan fungsi berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

MS Tek 44-45

Apakah fungsi Majlis Raja-Raja tersebut?


- I Melaksanakan pentadbiran
 - II Menentukan sistem kewangan
 - III Menjadi Lembaga Pengampunan
 - IV Memperkenan pindaan perlembagaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

3.3 Yang di-Pertuan Agong dan Raja dalam Perlembagaan Persekutuan

- 10** Perkara 32 dalam Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan tentang Ketua Utama Negara bagi Persekutuan. Siapakah Ketua Utama Negara tersebut?
A Ketua Menteri
B Perdana Menteri
C Yang di-Pertua Negeri
D Yang di-Pertuan Agong
- 11** Antara berikut, yang manakah bidang kuasa eksekutif Yang di-Pertuan Agong?
I Pemerintah tertinggi Angkatan Tentera Malaysia
II Melantik diplomat Malaysia
III Mengisytiharkan darurat
IV Membubarkan Parlimen
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 12** Sebagai warganegara yang patriotik, bagaimanakah anda menzahirkan taat setia kepada raja dan negara?
A Belajar bersungguh-sungguh
B Melaksanakan dasar-dasar negara
C Mengamalkan prinsip Rukun Negara
D Mengukuhkan perpaduan antara kaum

3.4 Amalan Demokrasi dan Pengasingan Kuasa

- 13** Rajah 1 menunjukkan amalan demokrasi dan pengasingan kuasa sebagai pentadbiran negara.



Rajah 1

- Apakah X?
A Pembahagian kuasa
B Persidangan Parlimen
C Sistem pilihan raya umum
D Pelantikan jawatan penting

- 14** Parlimen ialah badan perundangan tertinggi di Malaysia.

MS Teks 53 Berikut merupakan komponen yang terdapat dalam Parlimen kecuali ...
A Yang di-Pertuan Agong
B Dewan Undangan Negeri
C Dewan Negara atau Senat
D Dewan Rakyat atau Perwakilan

- 15** Dewan Undangan Negeri (DUN) terdiri daripada Sultan atau Yang di-Pertua Negeri selaku Ketua Negeri, Speaker Dewan dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang dipilih melalui pilihan raya peringkat negeri.

MS Teks 53 Apakah fungsi DUN dalam Parlimen?
A Menggubal undang-undang negeri
B Mentafsir undang-undang di Parlimen
C Menggubal undang-undang di Parlimen
D Melaksanakan kuasa eksekutif di Persekutuan

- 16** Badan Eksekutif peringkat Kerajaan Persekutuan ialah Jemaah Menteri.

MS Teks 54 Apakah senarai tugas Jemaah Menteri tersebut?
I Menggubal dasar negara
II Menggubal undang-undang
III Kebebasan bersuara tanpa had
IV Melaksanakan dasar-dasar kerajaan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

3.5 Keunikan Amalan Demokrasi Berparlimen di Negara Kita

- 17** Mekanisme semak dan imbang dalam pentadbiran diwujudkan dalam pemerintahan Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

MS Teks 56 Mengapakah mekanisme ini diwujudkan?
A Raja berkuasa mutlak
B Raja bertanggungjawab
C Raja berkecuali
D Raja berwibawa

Bahagian II

3.1 Latar Belakang Pemerintahan Beraja dan Demokrasi Berparlimen

- 1** Sistem pemerintahan beraja di negara kita menerima cabaran selepas Perang Dunia Kedua.

Buku
Teks
m/s
40


Mengapakah berlakunya keadaan tersebut?

- A Pengenalan Malayan Union
- B Pengenalan Sistem Residen di NNMB
- C Penempatan Penasihat British di NNMTB
- D Pengawasan Gabenor Jepun di Tanah Melayu

3.2 Sejarah dan Kedudukan Institusi Majlis Raja-Raja

- 2** Apakah X dalam Rajah 1?

Buku
Teks
m/s
42



Rajah 1

- A Durbar
- B Majlis Raja-Raja
- C Majlis Sultan-Sultan
- D Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja

- 3** Majlis Raja-Raja ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1948 apabila Persekutuan Tanah Melayu dibentuk.

Buku
Teks
m/s
43

Apakah peranan Majlis Raja-Raja semasa Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Menasihati Gabenor
- B Membincangkan undang-undang berkaitan agama Islam
- C Membincangkan hal ehwal pentadbiran Kerajaan Persekutuan
- D Mendapatkan penerangan daripada Pesuruhjaya Tinggi British tentang pengubalan undang-undang

- 4** Antara berikut, yang manakah adalah fungsi Majlis Raja-Raja dalam Perlembagaan Persekutuan?

Buku
Teks
m/s
44

- I Melantik Perdana Menteri
 - II Meluluskan undang-undang
 - III Memilih Yang di-Pertuan Agong
 - IV Menjadi Lembaga Pengampunan bagi kes-kes tertentu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

3.3 Yang di-Pertuan Agong dan Raja dalam Perlembagaan Persekutuan

5 Apakah yang termaktub dalam perlembagaan berikut?

Buku
Teks
m/s
47

Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan

- A Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara
- B Kedudukan bahasa Melayu
- C Peranan Majlis Raja-Raja
- D Kedudukan agama Islam

6 Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa yang luas dalam pemerintahan negara meliputi kuasa eksekutif, perundangan dan kehakiman. Antara berikut, yang manakah kuasa eksekutif baginda?

Buku
Teks
m/s
48

- A Mengisytiharkan darurat
- B Melantik Perdana Menteri
- C Melantik hakim Mahkamah Atasan
- D Mengampunkan, menangguhkan dan meringankan hukuman yang dijatuhkan Mahkamah Tentera

7 Rajah 2 menunjukkan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong.

Buku
Teks
m/s
49



Rajah 2

Apakah peranan kuasa X?

- A Melantik Ketua Audit Negara
- B Melantik hakim Mahkamah Atasan
- C Melantik diplomat Malaysia ke luar negara
- D Memberhentikan dan membubarkan Parlimen

3.4 Amalan Demokrasi dan Pengasingan Kuasa

8 Demokrasi Berparlimen diterima sebagai sistem pentadbiran negara kita.

Buku
Teks
m/s
50

Antara berikut, yang manakah ciri demokrasi di negara kita?

- I Pilihan raya
 - II Kebebasan asasi
 - III Hak istimewa orang Melayu
 - IV Pemusatan kuasa Persekutuan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

9 Kebebasan asasi atau hak asasi merupakan hak yang dimiliki oleh seseorang individu di sisi undang-undang.

Buku
Teks
m/s
51

Apakah bukti negara kita mengamalkan kebebasan asasi dalam beragama?

- I Diskriminasi terhadap agama lain
- II Menganjurkan aktiviti agama secara tertutup
- III Agama Islam sebagai agama Persekutuan
- IV Setiap penganut bebas mengamalkan agama masing-masing

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

10 Rajah 3 berkaitan dengan pembahagian kuasa dalam sistem pemerintahan negara kita.

Buku
Teks
m/s
52&54



Rajah 3

Antara berikut, yang manakah kuasa badan X?

- I Menggubal undang-undang
- II Melaksanakan pembangunan
- III Menggubal dasar-dasar negara
- IV Mentafsir dan melaksanakan undang-undang

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

3.5 Keunikan Amalan Demokrasi Berparlimen di Negara Kita

11 Keunikan pemerintahan di Malaysia teradun antara unsur tradisional dan moden.

Buku
Teks
m/s
56

Antara berikut, yang manakah unsur tradisional dalam perlembagaan?

- A Sistem Demokrasi Berparlimen
- B Kerajaan Persekutuan
- C Kewarganegaraan
- D Bahasa Melayu

12 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa budi bicara kepada Yang di-Pertuan Agong dalam soal pelantikan _____

Buku
Teks
m/s
57

- A sultan atau raja
- B Menteri Kabinet
- C Ketua Kerajaan Negeri
- D Ketua Kerajaan Persekutuan